



e-JURNAL PENYELIDIKAN DAN INOVASI  
<https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi>  
e-ISSN 2289-7909  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
SELANGOR

VOL. 9 NO. 1 (APRIL 2022): pp 109 - 134

## **Pembentukan Sahsiah Murid Melalui Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Malaysia**

### *Student Personality Development Through Excellent Student Personality Program (SUMUR) in Malaysia*

Nor Anisa Musa

[noranisamusa87@gmail.com](mailto:noranisamusa87@gmail.com)

Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia

Nor Aniza Ahmad

[nor\\_aniza@upm.edu.my](mailto:nor_aniza@upm.edu.my)

Universiti Putra Malaysia

Mohd Syaubari Othman

[syaubari@fpm.upsi.edu.my](mailto:syaubari@fpm.upsi.edu.my)

Universiti Pendidikan Sultan Idris

#### **ABSTRAK**

Program-program di sekolah terutama pembelajaran di luar bilik darjah adalah berperanan untuk membentuk sahsiah murid dengan memberi penekanan kepada nilai-nilai kepribadian yang baik. Setiap murid perlu memiliki tahap sahsiah yang tinggi dengan mengamalkan cara hidup beragama, berpenampilan sopan santun, berbudi bahasa, mempunyai jati diri dan pelbagai lagi hal-hal berkaitan psikologi yang boleh terbentuk dalam diri secara tekal. Terbentuknya sahsiah unggul di sekolah merupakan antara tujuan yang perlu dicapai setelah pembelajaran atau ketika beraktiviti tanpa mengira batasan demografi seperti agama, bangsa, jantina, lokasi mahupun kategori sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab dan berperanan sebagai saluran utama dalam menekankan pembentukan sahsiah unggul murid. Pelaksanaan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) oleh KPM merupakan program

yang signifikan dengan keperluan murid berkonsepkan aktiviti bermodul dan berpenilaian sepanjang persekolahan di peringkat menengah. Penilaian yang terkandung dalam Program ini membantu peningkatan indeks kemenjadian murid. Maka, artikel ini membincangkan sorotan kajian lepas perkara-perkara yang mempunyai hubungan dengan sahsiah murid seperti kecerdasan emosi, keterlibatan dan daya tahan.

*Kata kunci: Sahsiah; Keterlibatan; Kecerdasan Emosi; Daya Tahan; Program SUMUR.*

### **ABSTRACT**

*Programs in schools, especially learning outside the classroom, play a role in shaping the personality of students by emphasizing the values of good personality. Every student needs to have a high level of personality by practicing a religious way of life, appear polite, courteous, have a sense of identity and various other things related to psychology that can be formed in oneself consistently. The formation of a superior personality in school is one of the goals that need to be achieved after learning or during activities regardless of demographic limitations such as religion, race, gender, location or school category. The Ministry of Education Malaysia (MOE) is a government agency that is responsible and plays a role as the main channel in emphasizing the formation of students' superior personality. The implementation of the Student Excellence Program (SUMUR) by the MOE is a significant program with the need for students with the concept of modular activities and assessment throughout schooling at the secondary level. The assessments contained in the Program help improve the student achievement index. Thus, this article discusses past research highlights of matters that have a relationship with student personality such as emotional intelligence, engagement and resilience.*

*Keywords: Personality; Engagement; Emotional Intelligence; Resilience; SUMUR Program.*

### **PENDAHULUAN**

Dunia berisiko masa kini, yang sangat kompetitif dan dinamik telah semakin sibuk dengan isu-isu berkaitan keruntuhan akhlak. Nilai-nilai sahsiah murid juga sering menjadi tajuk perdebatan dalam masyarakat. Antara sebab isu

keruntuhan akhlak adalah kepayahan sistem pendidikan negara untuk melahirkan murid-murid yang mempunyai jati diri dalam mengamalkan nilai-nilai murni. Buktinya keruntuhan akhlak, kadar jenayah dan sosial remaja masih tidak berkesudahan malahan pelbagai kajian membuktikan terdapat peningkatan gejala delinkuen yang membabitkan golongan muda semakin meningkat dan berleluasa saban tahun (Buerah Tunggak, Shanah dan Hamimah, 2015; Mohd Nuri, Turiman, Azimi Hamzah, Ismi, 2017; Syamila & Che Zarrina, 2020). Penyebab masalah akhlak remaja antaranya kelalaian ibu bapa, sistem pendidikan di Malaysia dan pengimportan pendidikan dari barat yang ketandusan aspek agama dan kerohanian perlu diatasi sebagai langkah yang efektif (Junoh Husin, 2011; Makmur Harun, 2015; Syamila & Che Zarrina, 2020) bagi membina sahsiah murid unggul. Penyekatan meningkatnya isu-isu sosial yang mengganggu usaha-usaha pendidikan dan pembangunan sahsiah perlu saling disokong untuk melahirkan keluhuran sifat-sifat kerohanian murid. Data yang direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) sepertimana Jadual 1 menunjukkan sebanyak 238,790 kes iaitu lima peratus pada tahun 2018 naik kepada 304,578 kes iaitu 6.4 peratus pada tahun 2019. Peningkatan kluster salah laku disiplin murid telah melibatkan pelbagai kesalahan.

**Jadual 1: Data Murid Mengikut Kluster Salah Laku Disiplin bagi Tahun 2018 dan 2019 (KPM, 2020).**

<b>Salah Laku Disiplin</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
<b>Tingkah Laku Berunsur Jenayah</b>	9,516	11,648
<b>Tingkah Laku Berunsur Kelucahan</b>	3,760	4,812
<b>Tingkah Laku Musnah</b>	2,771	3,578
<b>Ponteng Sekolah</b>	126,189	144,644
<b>Buli</b>	4,436	5,666
<b>Kurang Sopan</b>	25,451	36,304
<b>Kekemasan Diri</b>	18,496	29,850
<b>Kenakalan</b>	10,069	13,944
<b>Tidak Pentingkan Masa</b>	25,952	34,500
<b>Rokok</b>	12,150	19,632
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>238,790</b>	<b>304,578</b>

Tinjauan *National Health and Morbidity Survey* 2017 (NHMS, 2018) dalam Jadual 2 ke atas 40,087 murid di 212 buah sekolah menengah, 94% remaja telah menghadapi ketagihan penggunaan telefon pintar, setiap 2 dalam 7 remaja sekolah menengah menghadapi ketagihan internet dan dilaporkan remaja Cina paling tinggi sebanyak 34%, diikuti Melayu 28% dan India 24%. Penglibatan dadah pula, sebanyak 3.5% dilaporkan sebagai pengguna

semasa, dan setiap seorang dalam 25 murid menengah pernah menggunakan dadah antaranya *amphetamines* dan *methamphetamines* seramai 2.4% dan *marijuana* 2.8%. Mangsa buli dilaporkan 1 dalam 6 orang murid pernah menjadi mangsa dengan 19% murid lelaki lebih banyak daripada perempuan iaitu 14% dalam kalangan murid India. Kes rokok pula, 1 dalam 10 murid daripada tingkatan 1 hingga 5 terlibat dan direkodkan Labuan adalah perokok murid tertinggi sebanyak 19.2% manakala Putrajaya sebanyak 7.8% perokok. Lebih mengejutkan didapati 1 dalam 10 murid adalah peminum arak, 6% murid dilaporkan pemabuk tegar dan 76% telah pertama kali minum arak sebelum usia 14 tahun. Tambahan lagi, gejala sex dilaporkan tertinggi di negeri Pahang iaitu 9.5% dan terendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 4.3%. Laporan bagi tingkah laku bunuh diri merangkumi idea, rancangan dan atau percubaan bunuh diri yang tertinggi ialah dalam kalangan murid India, diikuti Cina, lain-lain, bumiputera Sarawak, bumiputera Sabah dan Melayu yang terendah. Murid perempuan lebih tinggi kecenderungan membunuh diri daripada murid lelaki. Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia juga mencatatkan sebanyak 79,302 kes remaja bawah 18 tahun hamil tanpa nikah dalam tempoh lima (5) tahun iaitu bermula dari tahun 2012-2016 (Majid, Mariam & Zafirah, Nurul & Izzah, Nurul., 2019). Angka-angka ini menunjukkan jumlah yang perlu dipandang serius dalam konteks dunia pendidikan di Malaysia dan suatu cabaran yang semakin kritikal dalam melahirkan warga yang sihat dalam membina budaya peradaban negara.

**Jadual 2: Laporan *National Health and Morbidity Survey 2017 (NHMS, 2018)***

Kes	Tahap penglibatan	Demografi penglibatan
<b>Ketagihan penggunaan telefon pintar</b>	94%	remaja
<b>Penglibatan dadah</b>	3.5%	remaja
<b>Mangsa buli</b>	1 dalam 6	murid pernah menjadi mangsa
	19%	murid lelaki
	14%	murid perempuan
<b>Perokok murid</b>	1 dalam 10	murid tingkatan 1 hingga 5
	19.2%	di Labuan
	7.8%	di Putrajaya
<b>Pemabuk tegar sebelum usia 14 tahun</b>	76%	remaja
<b>Gejala sex</b>	9.5% (tertinggi)	di Pahang

	4.3% (terendah)	di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
<b>Tingkah laku bunuh diri merangkumi idea, rancangan dan atau percubaan bunuh diri</b>	Tertinggi	murid India, diikuti Cina, lain-lain, bumiputera Sarawak, bumiputera Sabah
	Terendah	murid Melayu
<b>Hamil tanpa nikah dalam tempoh lima (5) tahun bermula 2012-2016</b>	79,302	remaja

Bagi memenuhi keperluan nilai sahsiah unggul, institusi pendidikan dan kekeluargaan berperanan besar dalam membentuk peribadi sahsiah murid. Manfaat yang besar untuk jangka masa panjang kerana modal insan manusiawi ini dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan dan keutuhan negara. Justeru, dasar pendidikan negara bukan sekadar menumpukan kepada kecemerlangan akademik semata, tetapi seharusnya membentuk murid bersahsiah tinggi daripada pelbagai aras kognitif mereka. Persediaan modal insan ini diharapkan dapat berdaya saing, mempunyai daya tahan yang ampuh dari segi mental, fizikal, emosi dan rohani dalam menghadapi cabaran global. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025 telah menitikberatkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai dalam klausa Anjakan 3 melalui sistem pendidikan Malaysia. Penghayatan nilai berupaya mendidik murid agar menjadi individu warga yang sentiasa mengenali adat dan budaya sekeliling (Musa Nor, 2021). Ini termasuklah, nilai-nilai keperibadian, kerohanian, kewarganegaraan dan kemanusiaan malahan terciptanya nilai-nilai baharu dalam kehidupan (Nor Hanim et al, 2015).

### **Program Sahsiah Unggul Murid**

Program SUMUR telah diperkenalkan oleh KPM kepada seluruh sekolah Kementerian bertujuan untuk melahirkan murid yang holistik. Penghayatan nilai-nilai murni, memiliki disiplin yang tinggi, beretika dan mempunyai psikologi serta spiritual mahupun rohani yang sihat sangat perlu untuk membentuk sahsiah unggul seterusnya berdaya tahan dalam menghadapi cabaran hidup. Maka bermulanya pelaksanaan program SUMUR di sekolah-sekolah KPM bermula pada tahun 2004 di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) sehingga kini bagi membendung permasalahan yang berlaku dalam kalangan murid-murid menengah di Malaysia.

Program SUMUR yang diterajui oleh KPM telah mencetuskan Modul 5C iaitu; Murid Contoh, Murid Cerdas, Murid Cerdik, Murid Cergas dan Murid Ceria pada 2009 (KPM, 2020). KPM juga telah memperkenalkan Program pembangunan Sahsia Diri Murid (PSDM) pada tahun 2012 berobjektifkan; (i)pembangunan potensi diri murid, (ii)meningkatkan disiplin, (iii) mengubah tingkah laku menjadi lebih baik; dan (iv)meningkatkan kemahiran membuat keputusan. Seterusnya, inisiatif membentuk sahsiah murid dikembangkan lagi dalam Pendidikan Sivik dengan pelaksanaan Program Manual Nilai pada tahun 2019 dalam perhimpunan sekolah. Bagi mendokong dan membangunkan lagi sahsiah murid, Program SUMUR terus diperkenalkan secara berskala besar, bersepadu dan menyeluruh ke sekolah-sekolah menengah harian bermula 2017. Program rintis di lapan puluh (80) buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) harian dilaksanakan bagi meningkatkan indeks kemenjadian murid dengan pengukuran yang bersesuaian dalam mengukur pencapaian sahsiah mereka. Hasil laporan pemantauan Jadual 2 telah menunjukkan penurunan kes disiplin di 80 buah sekolah tersebut (KPM, 2020).

**Jadual 2: Rekod Pemantauan Kes Disiplin 2019 (Panduan SUMUR, 2020)**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kes Disiplin</b>
<b>2017</b>	2,234
<b>2018</b>	1,487
<b>2019</b>	1,376

Laporan yang diperoleh KPM pada 2017, data keseluruhan bagi 80 buah sekolah rintis yang melaksanakan Program SUMUR menunjukkan terdapat 2,234 kes disiplin direkodkan oleh pemantau daripada PPD dan JPN. Penurunan berlaku pada tahun 2018 iaitu sebanyak 1,487 kes dan seterusnya semakin menyusut kepada 1,376 kes pada tahun 2019 di sekolah yang sama. Ini menunjukkan perkembangan yang positif ke atas perubahan kes-kes disiplin. Dapatan kajian Mardiyah dan Nurul Ilyana (2018) mendapati aktiviti-aktiviti dalam Program SUMUR mencapai tahap sederhana tinggi dan tinggi terhadap pengamalan dan penghayatan akhlak murid sekali gus memberi kesan positif ke atas pembangunan modal insan. Tambahan lagi, objektif pendidikan Islam yang menekankan aspek kerohanian dapat disokong oleh Program ini dalam membentuk sahsiah murid di bilik darjah mahupun luar bilik darjah.

Justeru, program SUMUR terus menerus memerlukan penelitian untuk lebih membangun bagi memastikan matlamat membentuk sahsiah dapat dicapai terutamanya membendung permasalahan remaja yang berlaku pada hari ini.

Inisiatif pelaksanaan Program ini, maka terhasilnya modul-modul yang ditambah baik pada tahun 2022 iaitu, modul (i) cara hidup beragama; (ii) penampilan diri; (iii) berbudi bahasa; dan (iv) jati diri, untuk membentuk sahsiah murid (KPM, 2022).

### **Cara hidup beragama**

Cara hidup beragama merupakan dokongan dalam memupuk peradaban nilai moral dan etika dalam kalangan murid keseluruhannya. Program SUMUR lebih mengutamakan prinsip cara hidup Islam kerana yang terkandung dalam ajarannya merupakan cara ajaran yang universal (Abdul Aziz, 2016). Kesesuaian cara hidup Islam untuk majoriti murid Islam di Malaysia perlu ditekankan dalam semua bidang yang mereka ceburi. Begitu juga cara hidup beragama bagi murid bukan Islam sangat relevan untuk diamalkan bagi menempuh cabaran kehidupan sebenar yang memerlukan daya spiritual yang tinggi. Namun, cara hidup agama yang berprinsipkan Islam bukan sahaja untuk berlaku ketika pembelajaran pendidikan Islam. Malahan, selain melahirkan murid yang sempurna amal ibadat dalam kehidupan sebagai murid Islam, pengamalan beragama juga meluas kepada bidang-bidang lain bagi murid bukan Islam dalam apa sahaja yang mereka ceburi. Sepertimana kajian Muhammad Farooq, Jorn & Christian (2019) menunjukkan nilai-nilai Islam dan pengamalannya mempunyai pengaruh yang positif dalam keusahawanan kerana pengaruh kedua-duanya merupakan mediator antara sikap terhadap bidang tersebut. Maka, nilai-nilai ini membolehkan mereka menyelesaikan konflik, bijak membuat pertimbangan, berpegang teguh kepada prinsip di situasi yang kritikal serta berani melakukan perkara yang betul (Yazilmiwati & Rozaini, 2019). Setiap permasalahan yang terjadi tidak hanya berlaku dalam kalangan murid Islam tetapi juga murid bukan Islam. Selain itu, mentaati kepada perintah agama serta rasa pengharapan kepada tuhan perlu dibentuk sejak kanak-kanak sebelum menjadi dewasa. Mereka akan mempamerkan penampilan yang baik dalam mengawal keseimbangan hidup. Justeru, persediaan mengukuhkan ilmu agama serta mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi adalah penting agar lebih bersedia menghadapi cabaran yang semakin getir (Nor Hanim, et al., 2015).

Pembentukan nilai dan kecemerlangan individu yang berteraskan kesucian hati merupakan aspek terpenting bagi mencapai kejayaan pembangunan manusiawi dengan ciri-ciri peribadi luhur bahkan kebaikan ruh adalah punca kebaikan seseorang dan pelindung kepada masyarakat (Nasir & Abdul Said, 2018; Nor Hanim, et al., 2015). Namun, pelaksanaan program-program keagamaan perlu lebih dimajukan lagi dengan pelbagai tarikan terutama ke atas murid aras kognitif rendah serta disokong dengan keupayaan badan-

badan yang dipertanggungjawabkan. Kajian Mohd Suhari & Mohd Farid (2018) menyimpulkan bahawa pelaksanaan program tarbiah yang mempunyai pembangunan spiritual memerlukan organisasi yang mantap bagi mencapai objektif pembangunan spiritual bertujuan membentuk sahsiah murid.

### **Penampilan Diri**

Penampilan diri yang elok adalah penting bagi seseorang untuk memperoleh pengaruh dan kepercayaan orang lain terhadap dirinya. Begitu juga berkeyakinan diri dalam melaksanakan kebaikan merupakan suatu konsep peribadi yang unggul. Kajian Yahaya Mashira dan Aimi Dalila (2020), menunjukkan kesemua responden berjaya mengubah penampilan diri dengan menutup aurat, tidak melepak sebelah malam, minat belajar, mendengar nasihat ibu bapa dan lebih menghormati guru setelah mengikuti MOSPES iaitu Modul Spiritual Pemantapan Sahsiah yang dibangunkan menggunakan pendekatan spiritual untuk murid kategori delinkuen. Penampilan diri juga adalah kesan daripada pembangunan sahsiah selain kesan terhadap kualiti hidup sama ada dari aspek, tingkah laku, sikap, perasaan, pemikiran, sosial, dan rohani (Shahidan Shafie dan Ling Ying, 2017). Matlamat program SUMUR yang menekankan penampilan diri adalah merujuk kepada penampilan diri merangkumi aspek pemakaian kemas, bersih, bersesuaian dan bertepatan dengan syarak, selain adab sopan, berkepemimpinan, bersikap positif, proaktif, beradab dalam menuntut ilmu serta menjaga pergaulan (Mardziah dan Nurul Ilyana, 2018). Boleh dikatakan, pelbagai tingkah laku menyenangkan yang dipamerkan oleh murid adalah kesan daripada penjagaan fizikal. Hakikatnya, penampilan luaran ini bermulanya dari dalaman iaitu jiwa dan perasaan yang dipupuk sama ada daripada faktor luaran seperti galakan orang dewasa, persekitran atau melalui program-program tertentu. Maka, penampilan diri yang ideal perlu didedahkan kepada murid bagaimana seharusnya dipamerkan kepada orang lain bagi mempertingkatkan keyakinan dirinya sendiri seterusnya membentuk sahsiah yang unggul.

Penampilan diri juga berkait rapat dengan pelbagai perwatakan personaliti termasuk sahsiah berkepemimpinan. Dengan kata lain, sahsiah unggul memerlukan personaliti yang bersedia dengan sifat-sifat kepimpinan yang memiliki pelbagai kecerdasan bukan sahaja intelektual, sosial malahan emosi dan spiritual. Palmer, Walls, Burgess & Stough (2001) menyatakan kecerdasan emosi menjadi semakin popular sebagai langkah untuk mengenal pasti pemimpin yang berpotensi efektif dan sebagai alat untuk membangunkan kemahiran kepimpinan sebagaimana kajiannya meneroka

hubungan kecerdasan emosi dengan kepemimpinan dalam pengurusan. Sebaliknya, Yusoff Zainuddin (2000) mendapati bahawa kecerdasan emosi walaupun memberi kesan kepada kewujudan personaliti kepemimpinan pelajar, berdasarkan keputusan korelasi mendapati terdapat anggaran perhubungan yang sederhana dan rendah antara kecerdasan emosi dengan karisma, timbang rasa ransangan intelek, inspirasi dan mengurus.

Selain itu, pemimpin yang memiliki integriti personaliti yang kukuh mampu mempamerkan sikap dan tingkah laku yang beretika sebagaimana kajian Azam Naquiuddin, Mariani Mansor & Siti Nor (2012) mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara kecerdasan spiritual dengan gaya kepemimpinan jenis transformasi dan *laissez-faire*. Kajiannya berjaya membuktikan pentingnya peranan kecerdasan spiritual dalam proses mempamerkan penampilan bersahsiah yang memiliki cara gaya kepemimpinan. Penampilan diri yang mempunyai personaliti berkepemimpinan dalam sahsiah unggul murid boleh dikatakan sebagai puncak kemenangan yang ingin dilihat oleh setiap institusi sekolah mahupun kekeluargaan. Penampilan jenis personaliti ini seolah-olah mempunyai pakej yang cukup sempurna untuk memimpin individu seusianya yang hampir sukar untuk ditemui secara semulajadi, bahkan sentiasa perlu dibimbing oleh guru atau ibu bapa. Murid yang memiliki ketokohan memimpin mampu membentuk dan merubah pemikiran rakan sekelilingnya, memiliki cara pertuturan yang berpengaruh, mempunyai toleransi yang tinggi tanpa menggadaikan prinsip serta bijak melaksanakan pembaharuan yang harmoni. Namun begitu, penampilan berkepemimpinan murid bersahsiah unggul bukanlah boleh dicapai dalam masa yang singkat kecuali memerlukan pengalaman dan persekitaran yang membina.

### **Berbudi Bahasa**

Kegagalan dalam mempamerkan budi bahasa yang baik di peringkat usia muda akan menjadikan murid bermasalah dalam kehidupan dewasa. Murid yang mempunyai karektor tidak baik adalah disebabkan kegagalannya membentuk sahsiah diri disebabkan pelbagai faktor. Mereka terjerumus berperanan sebagai pengganggu persekitaran dan ketidakseimbangan atmosfera (Noviana & Atur 2020). Maka, pemupukan budi bahasa yang baik di sekolah bukan hanya menjadi tanggungjawab guru agama malahan semua guru mata pelajaran yang lain perlu sama-sama menglembeng tenaga dan buah fikiran dalam membantu murid. Program SUMUR yang telah menjadi wadah dalam pembentukan budi bahasa bukan sahaja ketika murid berada di sekolah, malahan pergaulan sesama komuniti luar. Ini kerana nilai budi bahasa merupakan suatu nilai peradaban yang tidak terpisah dengan

masyarakat (Taufik Latif, Syuja Saedin, Norazilah, & Ira Meilita, 2018). Seharusnya budi bahasa bukan sahaja diamalkan dalam masyarakat dan komuniti, malahan merentasi pelbagai bidang yang diceburi termasuk usahawan, perniagaan, sains, teknologi, kejuruteraan, pentadbiran mahu pun pengurusan bertujuan memelihara kesejahteraan dan keharmonian negara. Bukan sahaja dilihat dari sudut psikologi individu tetapi keperibadian sosial bagaimana sepatutnya individu bertindak dan hubungannya dengan masyarakat (Hashim, Normahdiah, Rozita, Siti Sarah, 2012). Maka, murid yang bersahsiah unggul semestinya terdapat nilai perlakuan berbudi bahasa yang ditonjolkan kepada orang lain.

### **Jati Diri**

Jati diri merupakan harga diri bagi menggambarkan peribadi watak setiap bangsa dan suku kaum yang didokong dengan kekuatan jiwa dan perasaan yang tekak, tabah, berteguh, berpasak kukuh dalam jiwa walaupun diganggu gugat (Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang & Chew Fong Peng, 2017). Menurut Dorris (2002) dalam Evan Westra (2020) pula berkaitan personaliti atau karakter, jati diri ditafsirkan sebagai pelarasan yang stabil walaupun pada konteks yang berbeza sebagaimana perbincangannya berkaitan trait atribusi, membaca pemikiran dan membentuk pemikiran.

Dalam konteks personaliti warganegara, Abdul Latiff (2012) menyatakan jati diri merupakan kesetiaan dan sikap bersatu padu dalam diri malahan kekuatan jati diri adalah nilai yang perlu dimiliki oleh setiap individu. Tambahan lagi, Yenni, Ismail dan Rojja (2019) menyatakan, pendidikan pembentukan karakter adalah langkah yang sangat penting serta merupakan strategi dalam membangunkan jati diri bangsa untuk pembentukan masyarakat. Kesempurnaan pendidikan yang diterima akan melahirkan individu yang berahklak mulia, mempunyai jati diri yang kukuh, bertanggungjawab serta tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir jahat dan berperlakuan negatif dalam masyarakat (Mastura dan Farawahida, 2020). Jati diri murid merupakan elemen yang penting untuk membina daya tahan, kekuatan jiwa, membentuk pemikiran dan karakter, memenuhi individu yang manusiawi, berpendirian tegas, stabil serta tidak goyah dengan pelbagai cabaran. Ini kerana, masa remaja adalah waktunya untuk memperkayakan diri dengan pembangunan identiti (Andre Branch, 2020). Ketamadunan yang terkandung prinsip nilai Islam juga berupaya menyempurnakan akal mahupun jati diri manusia, seterusnya mampu membentuk masyarakat Malaysia hidup aman damai dan harmoni (Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar, 2012). Justeru, jati diri murid bukanlah mudah

untuk terbina dalam jangka masa yang singkat untuk melahirkan jiwa yang teguh, berfikiran matang, berakhlak mulia sehingga membentuk sahsiah unggul. Lebih-lebih lagi pelbagai cabaran dan pengalaman perlu didedahkan dalam program-program sekolah terutamanya Program SUMUR untuk membina daya tahan dan memberi pengetahuan bahawa dunia ini terkandung pelbagai pancaroba yang memerlukan ketahanan diri untuk menghadapinya.

### **KAJIAN PERPUSTAKAAN**

Di kebanyakan negara luar penggunaan terminalogi program-program pembinaan sahsiah adalah berbeza-beza termasuk negara Malaysia. Namun matlamat untuk keberkesannya dan perlaksanaannya adalah hampir sama sepertimana program-program di luar negara antaranya di Amerika iaitu program musim panas *TeenLife.com Media* dan program *Muslim Interscholastic Tournament (MIST)* serta program latihan belayar 7 hari yang dilakanakan murid di New Zealand. Tidak kurang juga dalam negara Malaysia seperti Program pembangunan Sahsiah Diri Murid (PSDM) dan Program SUMUR (Musa et al., 2021). Dalam kajian Mardziah dan Nurul Ilyana (2018), matlamat pembinaan sahsiah ini disokong menerusi aktiviti-aktiviti dalam modul Program SUMUR yang telah menunjukkan pengamalan dan penghayatan akhlak murid sekali gus memberi kesan positif ke atas pembangunan modal insan dan objektif pendidikan Islam. Dapatan kajian Nor Nadirah & Hafizhah Zulkifli (2022) berkaitan Program SUMUR juga menyatakan tentang kesan kepada penguasaan, amalan dan pembentukan murid terhadap kemahiran komunikasi dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, didapati bahawa kajian-kajian lepas berkaitan pelaksanaan Program SUMUR kebanyakannya kurang menfokuskan terhadap aspek psikologi yang membataskan perkaitan antara kecerdasan emosi, keterlibatan dan daya tahan dengan sahsiah murid dalam Program SUMUR.

### **Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Keterlibatan, Daya Tahan dan Sahsiah**

Murid bersahsiah unggul pastinya mempunyai hubungan dengan tahap kemahiran emosi yang tinggi seperti mana kajian-kajian berkaitan personaliti bagi mengenal pasti tahap emosi seseorang serta nilai-nilai unggul yang lain. Kajian mendapati bahawa kira-kira 50% kanak-kanak yang berdaftar dalam program *Social and Emotional Learning (SEL)* mempunyai skor pencapaian yang lebih baik hampir 4% peningkatan purata gred-poin. Penurunan kadar pergantungan dalam kajian ini berlaku termasuklah peningkatan kehadiran

sekolah, kurangnya masalah disiplin, memodelkan tingkah laku positif dan menggalakkan berfikir tentang perasaan orang lain untuk menjadi lebih empati terhadap orang lain (Goleman, 2012).

Mayer John (2014) dalam kajiannya menyatakan bahawa kecerdasan emosi, kemampuan, keupayaan atau kebolehan seseorang mengendalikan perasaan sendiri mampu memahami perasaan orang lain bagi membuat penilaian dan perbandingan serta menggunakan pengetahuan ke arah tindakan yang betul. Kecerdasan emosi yang ada dalam diri seseorang murid juga dianggap sebagai kemahiran-kemahiran mendiskriminasi dalam mengawal antara emosi diri sendiri dengan emosi individu lain dan seterusnya mengoptimumkan kebaikan maklumat sebagai garis panduan pemikiran dan perlakuan. Maka secara langsung dan tidak langsung akan membentuk sebuah perlakuan dan tingkah laku yang menggambarkan sahsiah dalam diri seseorang murid berdasarkan emosinya


Kajian lepas, kurang mengaitkan kecerdasan emosi dengan pemboleh ubah seperti keterlibatan, daya tahan dan sahsiah terutamanya yang terdapat dimensi budi bahasa, penampilan diri dan jati diri yang diterapkan dalam Program SUMUR. Kajian Agaibi dan Wilson (2005) menyatakan, dalam mengharungi segala kepayahan emosi, penglibatan daya tahan sangat diperlukan seseorang. Terdapat juga kajian berkaitan emosi, personaliti dan daya tahan iaitu kajian Vakola et al. (2004) yang mendapati daya tahan dipengaruhi oleh faktor genetik melalui ciri personaliti dan kepintaran emosi dengan boleh dipelajari serta memberi kesan terhadap daya tahan seseorang. Namun, tidak mengaitkan dengan keterlibatan secara afektif, kognitif dan tingkah laku sepertimana yang terdapat dalam teori penglibatan Frederick et al. (2004). Berdasarkan kajian Khoshaba dan Maddi (1999), berdaya tahan didapati mempunyai sikap yang teguh dalam 3C iaitu penglibatan (*commitment*), penguasaan (*control*) dan cabaran (*challenge*). Menurutnya, daya tahan dihasilkan adalah menerusi motivasi iaitu merujuk kepada kekuatan dalaman seperti kekuatan emosi, mental, fizikal dan moral. Ini menunjukkan emosi berperanan membentuk daya tahan. Namun, kajiannya tidak mengaitkan sahsiah sebagai pemboleh ubah bersandar.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, adalah menjadi satu keperluan untuk mengisi jurang yang ada dalam menentukan kesan kecerdasan emosi, keterlibatan dan daya tahan murid yang signifikan terhadap sahsiah murid. Kerangka konseptual sepertimana Rajah 1 adalah sebagai asas kajian yang merupakan antara komponen yang perlu dibina bagi memperlihatkan kesepaduan pemboleh ubah yang dikaji adalah dinamik serta berfokus berdasarkan teori dan kajian perpustakaan. Penggunaan empat jenis pemboleh ubah iaitu kecerdasan emosi, keterlibatan program SUMUR, daya

tahan dan sahsiah murid adalah suatu konsep yang disarankan untuk melihat tahapnya kerana terdapat beberapa kajian saling berhubung kait antara satu sama lain.

Hubungan kecerdasan emosi dengan keterlibatan dinyatakan dalam oleh Xerri, Radford, & Shacklock (2018) bahawa ketinggian kecerdasan emosi daripada kekuatan keazaman akan membuatkan murid terlibat dengan pelbagai penglibatan yang sewajarnya disertai. Begitu juga keterlibatan mempunyai hubungan dengan sahsiah seperti mana kajian Berger, Deutsch, Cuadros, Franco, Rojas, Roux, & Sanchez (2020) telah menemui keterlibatan secara sukarela dalam aktiviti bersama-sama rakan telah menghasilkan identiti kolektif rakan sebaya iaitu memupuk perkembangan sosio-emosi, kesepaduan identiti agar dapat diterima, diperdengarkan, hubungan positif dan saling percaya. Seterusnya konstruk daya tahan, terdapatnya hubungan dengan sahsiah dalam kajian Kang, Kim & Hur (2021) berkaitan penyesuaian murid di sekolah iaitu penyesuaian di kelas, hubungan dengan guru, hubungan dengan rakan dan penyesuaian dengan kehidupan sekolah telah menunjukkan efikasi sendiri dan ketahanan ego adalah faktor penting yang harus dikembangkan bagi membentuk murid yang berperibadi bijak menyesuaikan diri dengan persekitaran.

**Rajah 1: Kerangka Konsep Hubungan antara Pemboleh Ubah Kecerdasan Emosi, Keterlibatan dan Daya Tahan dengan Sahsiah**



Demikian dalam konteks psikologi pendidikan, keperluan mengkaji faktor-faktor tersebut dalam kalangan murid di sekolah menengah yang mengikuti Program SUMUR perlu ada untuk merapatkan jurang pemboleh ubah bagi mendedahkan penemuan baharu kepada pengkaji-pengkaji luar dan dalam negara. Sehubungan itu, penggunaan teori seperti SEM dianggap boleh dijadikan sebagai panduan rangka kerja bagi menjelaskan tahap sahsiah

murid yang melibatkan hubungan kecerdasan emosi, keterlibatan dan daya tahan.


### **Hubungan Keterlibatan dengan Sahsia dan Keterlibatan Sebagai Mediator**

Keterlibatan merupakan fungsi utama faktor personaliti dan sub-faktor yang sepadan dengan elemen afektif dan motivasi serta dalam jangka masa yang panjang boleh mengakibatkan perubahan personaliti, menjadi lebih bersetuju, teliti dan stabil dari segi emosi (Jennifer & Brent 2007). Keterlibatan murid menerusi aktiviti kokurikulum pula dapat melatih pelajar menjadi seorang pemimpin yang berkaliber, boleh mengawal diri dalam pelbagai keadaan, tidak mementingkan diri sendiri serta mengutamakan pandangan dan perasaan orang lain dalam membuat keputusan atau tindakan supaya matlamat yang ingin dicapai menjadi lebih berkesan (Lokman dan Osmayati (2010); Noor Azyani & Ahmad Isa (2012); Talip, Abdullah, Kiflee & Ping (2021). Ini menunjukkan bahawa tingkah laku penglibatan oleh murid boleh melatih mereka memiliki sahsiah yang baik malahan merupakan latihan mengawal emosi terhadap pelbagai keadaan yang dihadapi.

Kajian lepas ditemui telah mengaitkan keterlibatan dengan pelbagai pembolehubah seperti pencapaian akademik, sokongan luaran, penyokong pembelajaran, kesejahteraan, jati diri, pengalaman dan pelbagai lagi. Namun, kajian berkenaan keterlibatan kurang dikaitkan dengan sahsiah. Walau bagaimanapun, Spadafora & Volk (2021) ada mengkaji tentang penglibatan murid yang mempunyai pengaruh terhadap keperibadian. Demikian, kajiannya hanya menunjukkan keterlibatan murid secara sengaja mahupun tidak sengaja dalam tingkah laku tidak beradab di dalam kelas boleh menjejaskan keperibadian dari segi akademik dan juga perkembangan diri. Begitu juga kajian Bravo-Sanzana, M., Miranda-Zapata, E., & Miranda, H. (2020) untuk menilai iklim sosial sekolah yang sihat dapat mempengaruhi peribadi murid. Pendapat Irwan, et al., (2018); Sidik, Awang & Ahmad (2018); Surat & Rahman (2022) pula menyatakan sokongan persekitaran sosial dengan keterlibatan murid secara aktif dalam kokurikulum memberi kesan kepada kemahiran insaniah murid, pembangunan modal insan holistik serta mengadaptasikan dalam pembelajaran. Begitu juga kajian Rozali dan Puteh (2014) menyatakan penguasaan kemahiran generik murid boleh meningkat menerusi penglibatan dalam kokurikulum sukan. Keseluruhan kajian ini menunjukkan terdapatnya perkaitan antara keterlibatan dengan keperibadian.

Selain itu, kajian-kajian lepas juga telah mengkaji keterlibatan sebagai mediator. Sebagai contoh kajian Tomaszewski et al., (2020) mengkaji

berkaitan penglibatan murid dalam hubungan antara status sosio-ekonomi murid (SES) dengan pencapaian akademik. Kajiannya mendapati, penglibatan murid dipengaruhi secara langsung oleh guru, pemimpin sekolah, pilihan kurikulum dan sumber sekolah dan menunjukkan sokongan luaran dan merupakan sesuatu yang penting terhadap penglibatan murid. Manakala, kajian Pedler et al., (2020) menyatakan penglibatan merupakan konstruk yang menyokong pembelajaran dan kesejahteraan murid secara keseluruhan untuk murid berjaya. Ini menunjukkan bahawa penglibatan murid membantu meningkatkan jati diri melalui pengalaman serta penyertaan dalam aktiviti kokurikulum. Bukti kajian Pietarinen et al. (2014) ada menunjukkan bahawa tahap penglibatan murid yang tinggi adalah hasil daripada tingkah laku peribadi dalam diri murid melalui sikap, pengalaman dan tingkah laku positif di sekolah. Keseluruhan kajian ini menunjukkan keterlibatan mempunyai hubungan dengan perkara-perkara yang hampir dengan sahsiah. Tetapi masih kurang kajian tempatan yang mengaitkan keterlibatan sebagai mediator antara kecerdasan emosi dengan sahsiah. Sehubungan itu, pola sahsiah secara tidak langsung melibatkan interaksi sesama manusia dan persekitaran yang terbentuk daripada penglibatan sesama mereka. Menurut Bronfenbrenner yang mempelopori sistem ekologi sepertimana Rajah 2, perkembangan individu dipengaruhi pelbagai faktor persekitaran termasuk keluarga, ibu bapa, media massa, pengaruh rakan sebaya dan pendidikan (McHale, Dotterer & Kim, 2009). Ini merangkumi ekosistem iaitu keluarga dan sekolah, kronosistem iaitu agama dan budaya, microsistem iaitu emosi diri dan kognitif, mesosistem iaitu masyarakat dan komuniti serta macrosistem yang merangkumi ekosistem, kronosistem, microsistem dan mesosistem.

**Rajah 2: Kerangka Teori Bronfenbrenner Sistem Ekologi (Ryan, 2001)**

Imam Al-Nawawi pula mengatakan bahawa pembangunan sahsiah merangkumi aspek pembangunan akhlak dengan Allah, akhlak dengan manusia, sosial, adab kehidupan, ibadat, jihad, ilmu dan pengetahuan agama (Kamarul Azmi, 2001). Kajian Mat Isa & Abdul Ghani (2012) mengaitkan hubungan antara pola sahsiah diri remaja terhadap akidah, ibadat, muamalat, muasyarat dan akhlak dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya iaitu didikan agama, ibu bapa, rakan sebaya dan media massa. Ini menunjukkan bahawa penglibatan dengan persekitaran dan orang sekeliling merupakan perantaraan bagi menyokong pembinaan sahsiah yang terisi pelbagai perwatakan dan karekter positif.

Tambahan lagi, dapatan kajian Mohd Zulfadli dan Saifullizam (2014) menyatakan penguasaan kemahiran generik murid boleh meningkat menerusi penglibatan dalam kokurikulum sukan. Kajiannya, murid yang terlibat menyertai program-program seperti aktiviti sukan dan kokurikulum cenderung memperoleh purata mata gred, rekod kehadiran yang lebih baik, tiada masalah disiplin berbanding murid yang tidak menyertai aktiviti kokurikulum. Murid juga dilihat lebih baik daripada aspek personaliti seperti keyakinan diri, kerjasama sosial, dan kemahiran kepimpinan selain lebih baik dalam pencapaian akademik mereka. Pendapat ini selaras dengan Rozali dan Puteh (2014) menyatakan murid yang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum dapat memperkayakan, mempertingkatkan akademik dan kemahiran sedia ada melalui pertandingan dan simulasi sebenar malahan memupuk kejayaan akan datang. Dapatan-dapatan kajian menunjukkan

bahawa keterlibatan pelajar boleh melatih murid menjadi personaliti positif dengan pelbagai karakter positif antaranya pemimpin berkaliber, berkeyakinan diri, menyenangkan malahan melatih emosi murid dengan mengawal diri terhadap pelbagai keadaan yang dihadapi.

Kesimpulannya, keterlibatan murid dalam iklim sekolah yang sihat, persekitaran kondusif, aktif dalam sukan dan kokurikulum boleh mempengaruhi akademik, tingkah laku beradab, peribadi berkepimpinan, berkemahiran generik dan mempunyai kemahiran insaniah. Walaupun kajian-kajian tersebut telah mengenal pasti peranan faktor keterlibatan dalam memberi pengaruh kepada tingkah laku individu, tetapi masih kurang lagi kajian keterlibatan murid untuk melihat hasil tahap sahsiah mereka terutama dari segi budi bahasa, penampilan diri dan jati diri yang menjadi dimensi kepada sahsiah dalam Program SUMUR. Tambahan lagi, bagaimana keterlibatan dalam Program SUMUR juga bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara kecerdasan emosi dengan sahsiah murid yang masih menjadi tanda tanya.

### **Hubungan Daya Tahan dengan Sahsiah dan Daya Tahan Sebagai Mediator**

Personaliti yang mampu membentuk sikap berdaya tahan amat penting dalam membantu murid berinteraksi dengan persekitarannya untuk belajar dengan tenteram dan selesa begitu juga sebaliknya daya tahan boleh membentuk sahsiah murid yang cekal dan tabah. Menurut Grotberg (1995), asas kepada daya tahan adalah bagaimana mereka berinteraksi dengan orang lain, dan bagaimana mereka menangani masalah sama ada daripada sifat genetik kanak-kanak, kelemahan kanak-kanak terhadap kebimbangan, cabaran, tekanan atau ketidakpastian menentukan persepsi diri. Grotberg menyatakan resolusi daya tahan digunakan dalam Projek Ketahanan Antarabangsa merupakan keupayaan sejagat yang membolehkan seseorang, kumpulan atau masyarakat supaya dapat mengelakkan, meminimumkan atau mengatasi kesan kesukaran yang merosakkan.


Kajian oleh Kang, Kim & Hur (2021) telah mengaitkan daya tahan dengan peribadi. Namun, kajiannya tidak mengaitkannya dengan sahsiah dari segi cara hidup beragama, penampilan diri, budi bahasa dan jati diri sepertimana diterapkan dalam Program SUMUR. Dapatan kajiannya berkaitan faktor penyesuaian murid dalam kelas, hubungan dengan guru, hubungan dengan rakan dan penyesuaian dengan kehidupan sekolah. Faktor penyesuaian ini adalah kesan daripada memperkukuhkan efikasi sendiri dan ketahanan ego untuk membentuk murid berperibadi bijak. Kajian Teekens, Giardini, Zuidersma, & Wittek (2021) pula menawarkan kerangka teori yang

menghubungkan ketahanan sistem sosial dengan tingkah laku individu dengan menunjukkan motivasi intrinsik memberi kesan positif kepada keputusan untuk terus berdaya tahan. Namun responden kajiannya bukan ke atas murid menengah tetapi ke atas pelajar kejururawatan yang terlibat dalam program latihan semasa pandemik. Selain itu, Ibrahim Irmohizam & Hussin Muhammad (2016) ada mengkaji tentang daya tahan yang meliputi keyakinan diri, disiplin diri, kemampuan diri, kawalan diri dan tekad diri. Namun kajiannya tidak dikaitkan dengan sahsiah murid menengah yang meliputi cara hidup beragama, penampilan diri, budi bahasa dan jati diri, tetapi membandingkan daya tahan pelajar Universiti Awam dalam negara dengan universiti luar negara selain membincangkan perbezaan beberapa faktor demografi.

Kajian-kajian lepas telah membuktikan daya tahan merupakan salah satu faktor yang menentukan peribadi dan tingkah laku. Walau bagaimanapun, kajian-kajian mereka tidak mengkaji faktor-faktor penentu kepada sahsiah murid. Contohnya, di Malaysia oleh Sulong Rose Manisah (2019) kajiannya menentukan kesan trait daya tahan sebagai mediator di antara faktor pelindung luaran sekolah, faktor pelindung luaran rumah, faktor pelindung luaran rakan sebaya dan faktor pelindung luaran komuniti dengan keterlibatan di sekolah dan pencapaian akademik. Kajiannya juga hanya dalam kalangan murid berisiko bagi membantu meningkatkan pencapaian akademik melalui keterlibatan secara tingkah laku, emosi dan kognitif, namun bukan kepada peningkatan sahsiah.

Berdasarkan Rajah 3 model dapatan kajian yang dijalankan oleh Liu, Wang & Lu (2013), kecerdasan emosi memberikan kesan tidak langsung terhadap kepuasan hidup melalui kesan pengantara yang dipengaruhi oleh daya tahan dan kesan keseimbangan (*affect ballance*). Dapatan analisis menunjukkan daya tahan berperanan sebagai mediator antara sifat kecerdasan emosi dengan kepuasan hidup seiring dengan kesan keseimbangan sebagai mediator (*affect ballance*).

**Rajah 3: Model Kesan Mediator Daya Tahan dan Kesan Keseimbangan (Liu et al., 2013)**



Dalam konteks Malaysia, walaupun terdapat kajian yang mengkaji daya tahan sebagai mediator kesan daripada kecerdasan emosi namun mereka tidak mengkajinya dalam konteks responden murid dan tidak secara langsung kepada dimensi trait kecerdasan emosi. Sepertimana kajian Sarkowi Azizah (2020), responden kajiannya adalah pelajar di Institut Pendidikan Guru yang menunjukkan hubungan antara guru di sekolah memberi pengaruh positif kerana rakan sekerja atau guru pembimbing yang dapat membantu dan mendorong mereka melaksanakan pelbagai tugas semasa praktikum mempunyai daya tahan yang lebih tinggi. Ramai juga pengkaji hanya mengaitkan daya tahan dengan kecekapan, pencapaian akademik serta mampu melakukan sesuatu perkara dengan lebih baik kesan daripada daya tahan sepertimana kajian Sarwar, Inamullah, Khan, & Anwar (2010); Cutuli et al. (2013); Duysal, Çetin, & Tutkun (2015). Namun, masih kurang pengkaji menyelidik tentang trait sahsiah berbanding pencapaian akademik kesan daripada daya tahan murid. Maka, masih kurang kajian yang mengkaji faktor daya tahan sebagai mediator dalam hubungan antara kecerdasan emosi dengan sahsiah dalam kalangan murid yang mengikuti Program SUMUR.

## KESIMPULAN

Mendidik murid supaya menjadi warganegara yang berilmu serta sentiasa mengejar kecemerlangan dari segi tingkah laku dan sahsiah dalam aktiviti di

luar waktu pembelajaran termasuk terlibat dalam program-program sekolah adalah amat penting. Melahirkan murid yang seimbang dari segi mental, fizikal, emosi dan rohani adalah menjadi dasar pendidikan negara. Maka, Program SUMUR didapati amat sesuai di terapkan dalam kalangan murid sekolah menengah yang terdiri daripada pelbagai latar belakang agama, budaya dan kaum. Penilaian yang terdapat elemen tahap kecerdasan emosi, keterlibatan dan daya tahan bertujuan membentuk sahsiah dari segi cara hidup beragama, penampilan diri, berbudi bahasa dan jati diri dalam SUMUR adalah selari dengan penerapan kerohanian sebagaimana diwartakan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Keberkesanan dan kejayaan pendidikan adalah berhubung rapat dengan keinsafan, kesedaran, dan tanggungjawab oleh murid yang perlu diterapkan oleh para pendidik. Oleh itu, segala didikan, pengajaran dan pentaksiran mahupun penilaian guru di sekolah sepatutnya tidak terpisah dengan kandungan nilai-nilai penghayatan, keluhuran peribadi, jati diri, kecerdasan emosi, penglibatan dan daya tahan untuk bekalan murid di hari kemudian.

## RUJUKAN

- Abdul Hafiz, M. T., Zakaria, S., & Ahmad Munawar. (2012). Memperkasakan jati diri melayu-muslim menerusi pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 23-35. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Latiff, A. B. (2012). Jati diri dan patriotisme berpaksikan sejarah, perlembagaan dan dasar kerjaan. *Jati Diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia 1-34*. Tanjung Malim: Penerbitan Institusi Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Aziz. (2016). Pendidikan Islam Humanis dan Inklusif. *Munzir Vol. 9, No. 1*. Dosen Fakultas Ushuluddin, Adab dan Dakwah IAIN Kendari.
- Agaibi, C. E., & Wilson, J. P. (2005). Trauma, PTSD, and Resilience: A review of the literature. *Trauma, Violence, & Abuse*, 6(3), 195-216.
- Andre J. Branch. (2020). Promoting ethnic identity development while teaching subject matter content: A model of ethnic identity exploration in education. *An International Journal of Research and Studies Teaching and Teacher Education* 87.
- Azam, M. N. D., Mansor, M., & Yaacob, S. N. (2012). Kecerdasan spiritual dan cara gaya kepimpinan dalam kalangan pemimpin remaja di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 7, 10-22.

- Berger, C., Deutsch, N., Cuadros, O., Franco, E., Rojas, M., Roux, G., & Sánchez, F. (2020). Adolescent peer processes in extracurricular activities: Identifying developmental opportunities. *Children and Youth Services Review, 118*, 105457.
- Bravo-Sanzana, M., Miranda-Zapata, E., & Miranda, H. (2020). Psychometric analysis of a school social climate scale: Input elements for the investigation and promotion of well-being. *Frontiers in Psychology, 3516*.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. (2015). Delikuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari 7, 2 (2015), 11-30*.
- Cutuli, J. J., Desjardins, C. D., Herbers, J. E., Long, J. D., Heistad, D., Chan, C. K., & Masten, A. S. (2013). Academic Achievement trajectories of homeless and highly mobile students: Resilience in the context of chronic and acute risk. *Child Development, 84(3)*, 841-857.
- Çelik, D. A., Çetin, F., & Tutkun, E. (2015). The role of proximal and distal resilience factors and locus of control in understanding hope, self-esteem and academic achievement among Turkish pre-adolescents. *Current Psychology, 34(2)*, 321-345.
- Evan, W. (2020). *Folk personality psychology: Mindreading and mind shaping in trait attribution*. Department of Philosophy, University of Toronto, 170 St George Street, Toronto, Canada.
- Fredericks, J. A., Blumenfeld, P. C., & Paris, A. H. (2004). School engagement: Potential of the concept, state of the evidence. *Review of Educational Research, 74(1)*, 59-109.
- Goleman, D. (2012). *Emotional intelligence: Why it can matter more than iq*. New York: Random house.
- Grotberg, E. H. (1995). A guide to promoting resilience in children: strengthening the human spirit (Vol. 8). The Hague, Netherlands: Bernard van leer foundation.
- Hashim, M., Normahdiah, S. S., Rozita, C. R., & Siti Sarah, A. K. (2012) Hati budi Melayu: Kajian keperibadian sosial melayu ke arah penjaan melayu gemilang *GEMA Online Journal of Language Studies 163*, Volume 12(1), ISSN: 1675-8021.
- Ibrahim, I., & Hussin, M. (2016). Tahap daya tahan dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia dan di luar negara. *Jurnal Personalia Pelajar, 19(1)*, 75-85.
- Irwan, F. S., Mohd Mahzan, A., & Abdul Razaq, A. (2018). Sokongan persekitaran sosial di pelbagai jenis sekolah menengah dalam

- meningkatkan `Kemahiran Insaniah Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(1), 67-76.
- Jennifer, L. S., Brent, W. R. (2012). Concurrent and prospective relationship between social engagement and personality traits in older adulthood. *Psychology and Aging*, 27 (3), 720, 2012.
- Junoh, H. (2011). *Faktor keruntuhan akhlak remaja islam luar bandar di daerah Kota Tinggi, Johor* (Doctoral dissertation, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Kamarul Azmi, J. (2001). Paradigma al-Imam Al-Nawawi dalam pembangunan insan, satu kajian teks terhadap Kitab Riyadh Al-Solihin. Universiti Malaya: Tesis Sarjana.
- Kang, Y., Yi, K., Kim, Y., & Hur, Y. (2021). School adaptation and its correlates in Lao Adolescents. *Children and Youth Services Review*, 120, 105721.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Bahagian Pendidikan Islam: Pelaksanaan Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). Bahagian Pendidikan Islam: Pelaksanaan Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Khoshaba, D. M., & Maddi, S. R. (1999). Early experiences in hardiness development consulting. *Psychology Journal: Practice and Research*, 51: 106-116.
- Liu, Y., Wang, Z., & Lü, W. (2013). Resilience and affect balance as mediators between trait emotional intelligence and life satisfaction. *Personality and Individual Differences*, 54, 850–855.
- Lokman, M. T., & Osmayati, O. (2010). Keperluan aktiviti kokurikulum (beruniform) kepada pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Langkawi.  
[http://eprints.utm.my/id/eprint/11595/1/Keperluan\\_Aktiviti\\_Kokurikulum.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/11595/1/Keperluan_Aktiviti_Kokurikulum.pdf) [15 Jun 2018]
- Makmur, H. (2015). Pendidikan sebagai warisan Islam: Kajian dalam Perspektif Sejarah  
[https://www.researchgate.net/profile/Makmur\\_Harun/publication/283318728](https://www.researchgate.net/profile/Makmur_Harun/publication/283318728)
- Mardiyah, A. A., & Nurul Ilyana, M. A. (2018). Pengamalan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) terhadap penghayatan akhlak pelajar: Satu tinjauan awal. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 10, Issue 2 180-190.

- Mastura, B., & Farahwahida, M. Y. (2020). Pendidikan keibubapaan melalui santunan fitrah Nabi Ya'qub a.s dan pendekatannya bagi menangani salah laku remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, pp. 113- 123.
- Mat Isa, K. N., & Abd Ghani, F. (2012). *Pola sahsiah remaja dalam kalangan pelajar Islam di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Mayer, J. D. (2014). Emotional intelligence...and now personal intelligence? *Psychology today*. Retrieved November 26, 2017, from <https://www.psychologytoday.com/blog/the-personality-analyst/201403/emotional-intelligence-and-now-personal-intelligence>.
- McHale, S. M., Dotterer, A., & Kim, J. Y. (2009). An ecological perspective on the media and youth development. *American Behavioral Scientist*, 52(8), 1186-1203.
- Mohd Nasir, R., & Abdul Said, A. (2018). The influence of emotional and spiritual intelligence on the high school student outcomes. *Journal of Education & Social Policy*, Vol. 5, No. 1.
- Mohamad Naquiddin Dahamat Azam, Mariani, M., & Siti Nor, Y. (2012). Kecerdasan spiritual dan cara gaya kepimpinan dalam kalangan pemimpin remaja di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*.
- Mohd Nuri, M., Turiman, S., Azimi, H., & Ismi Arif, I. (2017). Fenomena delikuen dalam kalangan remaja yang berisiko di sebuah sekolah menengah kebangsaan agama di luar bandar, Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 14, 12.
- Mohd Suhari & Mohd Farid. (2018). Pembangunan spiritual dalam pelaksanaan Program Tarbiyah. *Afkar*, Vol. 20 Issue 2 (2018): 127-158.
- Mohd Zulfadli, R., & Saifullizam, P. (2014). Keterlibatan pelajar secara aktif dalam kokurikulum (sukan) terhadap peningkatan kemahiran generik. *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*.
- Muhammad Farooq, R., Jörn, H. B., Christian, O. F. (2019). Entrepreneurship in Islamic communities: How do Islamic values and Islamic practices influence entrepreneurship intentions? *Journal of Enterprising Communities: People and Places in Global Economy, Forthcoming*.
- Musa, N. A., Ahmad, N. A., & Othman, M. S. (2021). Penerapan pembentukan sahsiah melalui Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Malaysia [Application of Personality Development

- Through Excellent Student Personality Module (SUMUR) in Malaysia]. *Al-Qiyam International Social Science and Humanities Journal*, 4(2), 55-69.
- Noor Azyani, A. J., & Ahmad, E. (2012). Kemahiran menyelesaikan masalah menerusi aktiviti kokurikulum (khidmat masyarakat) dalam kalangan pelajar UTHM. *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV*. (2): 101-112.
- Nor Hanim Elia, Selamah, M., & Ahmad Bashir, A. (2015). Konsep, isu, cabaran dan kecerdasan spiritual belia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. Vol. 1: no. 2 (2015) page 89–98. eISSN 24621714.
- Nor, N. N. A. M., & Zulkifli, H. (2022). Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) dalam Pembentukan Interpersonal dan Intrapersonal Murid [Sahsiah Unggul Murid Program (SUMUR) In Interpersonal and Intrapersonal Formation of Students]. *Qalam International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 1-19.
- Noviana Dewi & Atur Semartini. (2019). The character of respect as viewed from moral development and language politeness in college students. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research, Volume 397. 3rd International Conference on Learning Innovation and Quality Education*.
- Palmer, B., Walls, M., Burgess, Z., & Stough, C. (2001). Emotional intelligence and effective leadership. *Leadership & Organization Development Journal*, 22(1), 5-10.
- Pedler, M., Hudson, S., & Yeigh, T. (2020). The teachers' role in student engagement: A review. *Australian Journal of Teacher Education (Online)*, 45(3), 48-62.
- Pietarinen, J., Soini, T., & Pyhalto, K. (2014). Students' emotional and cognitive engagement as the determinants of well-being and achievement in school. *International Journal of Educational Research*, 67, 40–51.
- Rozali, M. Z., & Puteh, S. (2014). Keterlibatan pelajar secara aktif dalam kokurikulum (sukan) terhadap peningkatan kemahiran generik. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sarkowi, A. (2020). Pengaruh persekitaran sekolah terhadap pembentukan daya tahan guru pelatih semasa praktikum. *Jurnal IPDA*, 26(1), 123-136.

- Sarwar, M., Inamullah, H., Khan, N., & Anwar, N. (2010). Resilience and academic achievement of male and female secondary level students in Pakistan. *Journal of College Teaching & Learning (TLC)*, 7(8).
- Sidik, I. F., Awang, M. M., & Ahmad, A. R. (2018). Sokongan persekitaran sosial di pelbagai jenis sekolah menengah dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI 1 (1)(2018): 67, 76.*
- Shahidan, S., & Ling, Y. L. (2017). Pembentukan sahsiah berkualiti melalui penghayatan kurikulum pengajian Islam: Satu kajian korelasi di Politeknik. Conference Paper: National Conference in Thinking Culture (NCTC), 1 (03).
- Spadafora, N., & Volk, A. A. (2021). Child and Youth Classroom Incivility Scale (CYCIS): Exploring uncivil behaviors in the classroom. *School mental health, 13(1)*, 186-200.
- Sulong, R. M., Ahmad, N. A., Hassan, N. C., Nor, Z., & Zainudin, M. I. (2019). Academic resilience among Malaysian secondary school students: A confirmatory factor analysis.
- Surat, S., & Rahman, S. (2022). Penglibatan aktiviti kokurikulum dan kemahiran insaniah dalam kalangan murid sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7(4), e001451-e001451.*
- Syamila Syamim Mohamad Yatim & Che Zarrina Sa'ari. (2020). Kaedah penyelesaian masalah kerohanian dalam pendidikan anak menurut Abdullah Nasih Ulwan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 3(1), 130-144.*
- Talip, R., Abdullah, M. Y., Kiflee, D. N. A., & Ping, E. L. S. (2021). Pengaruh pengurusan kokurikulum dan keterlibatan pelajar dalam kokurikulum terhadap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan. *Jurnal Kesidang, 6(1)*, 173-183.
- Taufik, A. L., Mohd Syuja, S., Norazilah, B., & Ira Meilita, I. (2018) Amalan 'berbudi bahasa': Satu kajian nilai peradaban masyarakat Malaysia. *Sains Insani eISSN: 0127-7871.*
- Teekens, T., Giardini, F., Zuidersma, J., & Wittek, R. (2021). Shaping resilience: How work team characteristics affect occupational commitment in health care interns during a pandemic. *European Societies, 23(sup1)*, S513-S529.
- Tomaszewski, W., Xiang, N., & Western, M. (2020). Student engagement as a mediator of the effects of socio-economic status on academic

- performance among secondary school students in Australia. *British Educational Research Journal*, 46(3), 610-630.
- Vakola, M., Tsaousis, I., & Nikolaou, I. (2004). The role of emotional intelligence and personality variables on attitudes toward organisational change. *Journal of Managerial Psychology*.
- Xerri, M. J., Radford, K., & Shacklock, K. (2018). Student engagement in academic activities: A social support perspective. *Higher Education*, 75(4), 589-605.
- Yazilmiwati, Y., & Rozaini, A. (2019). Penerapan kemahiran insaniah melalui interaksi dan integriti (2Icamp) Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Sunway Malaysia. *Practitioner Research Vol. 1*, 127-154.
- Yahaya, M., & Yatim, A. D. A. (2020). Kesan amalan agama ke atas pelajar delinkuen melalui modul spiritual pemantapan sahsiah (MOSPES). *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 14, 63-80.
- Yenni Yunit, Ismail Akzam, Rojja Pebrian. (2019). Pendidikan karakter berbasis nilai muwashafat pada murid sekolah dasar Islam terpadu Bunayya Pekanbaru.
- Yusoff, Z. (2000). Hubungan kecerdasan emosi (eq) dengan kepimpinan: tinjauan di kalangan pemimpin pelajar UTM (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang & Chew Fong Peng. (2017). Pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri pelajar aliran pendidikan universiti awam. *Jurnal Personalita Pelajar*, 20 (2017): 1-10.